

Penuntut Indonesia kecewa

Gesa kerajaan mereka ambil tindakan ke atas BENDERA

Oleh Haspaizi Mohd Zain
haspaizi@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pelajar Indonesia yang menuntut di negara ini mahu kerajaan mereka mengambil tindakan terhadap Kumpulan Benteng Demokrasi Rakyat Malaysia (BENDERA) yang melontar najis dan membakar bendera Jalur Gemilang kerana perbuatan itu bercanggah dengan jatidiri rakyat negara itu.

Ketua Persatuan Pelajar Indonesia Malaysia (PPI), Mohammad Hamidi Supatmo, 35, berkata pihaknya kecewa dengan perbuatan kumpulan berkenaan dan meminta kerajaan Indonesia mengambil tindakan segera

dan menyelesaikan masalah yang timbul dengan cara lebih baik serta aman.

“Selain itu, kurangnya maklumat yang disampaikan oleh Pemerintah Indonesia dan Kerajaan Malaysia ke-

“ Kami meminta seluruh media Indonesia lebih profesional menyampaikan laporan berkaitan hubungan baik Indonesia-Malaysia”

**Mohammad Hamidi
Supatmo**

Ketua Persatuan Pelajar
Indonesia Malaysia

pada media dalam penyelesaian isu itu sehingga berita yang beredar di masyarakat Indonesia menjadi simpang siur.

“Kami juga meminta seluruh media Indonesia supaya lebih profesional dalam menyampaikan laporan yang berkaitan dengan hubungan baik Indonesia-Malaysia untuk menjaga serta menghindari keretakan hubungan antara kedua negara ini,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mohamad Hamidi berkata, pihaknya berterima kasih dengan pelajar negara ini yang membina hubungan baik dengan mereka pada ketika BENDERA cuba meruhkan hubungan baik kedua negara ASEAN itu.

Sementara itu, Ketua PPI Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Ahmad Haya, 40, berkata beliau kecewa dengan apa yang melanda kini dan meminta jalan penyelesaian segera di cari bagi menangani kemelut itu.

“Saya berharap hubungan antara Malaysia dan Indonesia akan baik kembali dan saya meminta pihak lain supaya tidak terikut dengan perbuatan yang tidak sihat itu.

“Biarlah pemerintah yang menyelesaikan masalah berkenaan dan berharap ia dapat diselesaikan dengan suasana baik serta saling hormat menghormati demi kepentingan hubungan baik ini,” katanya.